

29 SEP 2001

Taliban-Malaysia

RAKYAT M'SIA DILATIH OLEH TALIBAN IALAH PELAJAR DI PAKISTAN

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Kebanyakan rakyat Malaysia dan rakyat dari negara Islam lain yang dilatih oleh Taliban terdiri daripada pelajar yang pergi ke Pakistan untuk melanjutkan pengajian, kata Duta Afghanistan ke Malaysia Abdul Sattar Murad.

Abdul Sattar berkata semasa tinggal di Pakistan, pelajar berkenaan berhubung dengan kumpulan-kumpulan pelampau agama dan politik Pakistan yang kemudian "mempengaruhi" mereka untuk pergi ke Afghanistan bagi menjalani latihan.

Menurut Abdul Sattar yang mewakili kerajaan Presiden Burhanuddin Rabbani, dua kumpulan Malaysia menjalani latihann di Afghanistan semasa pendudukan Soviet (1979-1989) dan kemudian semasa pemerintahan Taliban yang mengambil alih kuasa pada September 1996.

"Mereka tidak pergi terus ke Afghanistan. Tujuan mereka memang baik, untuk menimba ilmu agama di madrasah-madrasah di Pakistan yang membolehkan mereka berhubung dengan kumpulan-kumpulan pelampau Pakistan," kata beliau dalam wawancara dengan Bernama menerusi telefon di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ada rakyat Malaysia yang menerima latihan daripada Taliban dan kembali ke Malaysia untuk menjatuhkan kerajaan, kononnya untuk mendirikan sebuah negara Islam.

Pemerintahan Taliban diiktiraf cuma oleh sebuah negara, Pakistan, dan telah dikecam oleh masyarakat antarabangsa kerana pencabulan hak asasi manusia dan juga melindungi Osama bin Laden.

Abdul Sattar mendakwa pelajar-pelajar berkenaan dipengaruhi oleh kumpulan-kumpulan agama Pakistan seperti Jamaate Ulama Pakistan (puak Fazlur Rahman) kumpulan Jamaate Ulama Pakistan (puak Samaiul-Haq).

Abdul Sattar berkata kumpulan Lashkar-Taiba (disenaraikan sebagai kumpulan pengganas oleh Amerika) dan kumpulan Supahe Sahaba, kedua-duanyua berjuang bagi kemerdekaan Kashmir dan berpangkalan di Pakistan, juga terbabit mempengaruhi pelajar bagi menerima latihan Taliban.

"Mereka dihantar atayu dipengaruhi atas alasan berjuang dalam perang jihad di seluruh dunia dan membantu untuk menegakkan kerajaan-kerajaan Islam," kata beliau.

Abdul Sattar berkata walaupun Taliban mengambil alih kuasa pada Sept 1996 tetapi rakyat Malaysia telahpun menjalin contact dengan mereka seawal pada tahun 1994.

Beliau juga mendakwa bahawa pihak perisikan tentera Pakistan, Inter Services Intelligence (ISI) juga tahu tentang kehadiran rakyat Malaysia dalam kumpulan Taliban sejak dari awal.

Katanya, kebanyakan rakyat Malaysia mungkin telah menjalani latihan di wilayah Khost dan Nangrahar, di sempadan Afghanistan-Pakistan, dan hasil maklumat, ada kira-kira 700 pelajar Malaysia yang kini menuntut di madrasah-madrasah di Pakistan.

Ketika ditanya sama ada mana-mana pelajar Malaysia ini mungkin telah menemui Osama atau pemimpin agung Taliban Mullah Mohammed Omar, Abdul Sattar berkata, " Saya berpendapat bahawa seiapa yang menjalani latihan di kawasan-kawasan yang dikuasai oleh Taliban mungkin berpeluang menemui Omar dan juga Osama"

Mengenai aspek latihan, Abdul Sattar berkata Taliban menyediakan latihan komando termasuk jerangkap samar dan latihan bagi aktiviti subversif.

"Semua rangk latihan Taliban diprogram, dikawal selia dan dilaksanakan oleh pengajar dari tentera Pakistan dan mereka juga dihantar ke Kashmir untuk latihan praktikal," kata beliau.

Tempoh latihan ialah satu hingga tiga bulan, kata beliau.

"Mengenai aspek idelogi, pelajar berkenaan akan dipengaruhi dengan idea dan pemikiran untuk menjadikan mereka seperti robot... mereka tidak lagi berfikir secara rasional dan mudah dipengaruhi oleh guru atyau pemimpin mereka," kata Abdul Sattar.

-- BERNAMA

RV MFJ FAZ